



---

# Kedai-Buku.com | Gedung Buku Online Malaysia | Malaysia Online Book Store

*Kedai-Buku.com*

## KP Unplugged 2

RM 10.40

**Harga Biasa:** RM 13.00

Pengurangan Harga: 20.00%

Tajuk : Unplugged 2

Pengarang : Nik Abdul Aziz Nik Mat & Annual Bakri haron

Penerbit : Kemilau Publika Sdn Bhd

ISBN : 978-983-4374-82-2

Mukasurat : 140 Halaman

Status Stok : ADA

Dengan meletakkan Al-Quran dihadapan, mari kita ke makmal minda sekejap untuk menguji kejujuran. Apa pandangan Umno mengenai usaha mengalih aqidah Islam dan meletakkan Allah Yang Maha Berkuasa, Maha Memiliki Kerajaan dan Maha Menentukan segala Undang-Undang dan menukar gantikannya dengan faham kebangsaan?

Apa pandangan Umno sampai seolah-olah berani meletakkan Allah tidak berfungsi? Apa pandangan Umno mengenai tauhid dan syirik? Apa pandangan Umno mengenai murtad dan mulhid. Apa pandangan Umno mengenai tudung dan aurat? Apa pandangan Umno mengenai arak dan judi? Apa pandangan Umno mengenai amalan menolak hudud dan menyamannya? Apa pandangan Umno mengenai amalan menerima sebahagian dari kitab dan menolak sebahagian darinya?

Rasuah dan penyalahgunaan kuasa? Menyekat bantuan SAR. Pengundi hantu? Adanya dua senarai pemilih? Undi pos?

Ditengah-tengah kekeliruan haluan yang digambarkan oleh amalan pucuk pimpinannya itulah, rakyat mempunyai syak yang kuat perihal terdesaknya Umno untuk mendapatkan sokongan. Banyak pihak beranggapan, oleh kerana kepimpinan Umno terkini sudah terhakis keyakinannya dari hati masyarakat Tionghua, Siam dan India, mereka mula cuba mahu dirinya dilihat sebagai pembela kepada masyarakat Islam pula yang berbangsa Melayu.

Maka, antara kucup keris dan Al-Quran yang dihiasi di rehal, pemimpin Umno cukup dilihat serba salah dan amat kelakar ketika menghunus keris. Sambil mengacah-acah rata itu, "dia" cuba cuba pula mendakwa bahawa keris Melayunya itu adalah untuk membela orang Melayu dan non-Melayu. Pulak!

Menyentuh tentang keris, PAS tiada cadangan untuk berperang dengan sesiapa. Kami menghormati, ia sekadar sejenis senjata pesaka kesayangan orang Melayu. Tidak terlalu terbawa-bawa dengan mitos kekeramatan keris, PAS Cuma serius memikirkan bagaimana lisan dan tulisan boleh berdakwah.

#### [Vendor Information](#)

There are yet no reviews for this product.

Please log in to write a review.